

DASAR PLAGIARISME UiTM DAN PELAKSANAANNYA (VERSI 2.0)

1.0 PENGENALAN

Dokumen ini menggariskan dasar dan pelaksanaan berkaitan pengurusan plagiarisme dalam hasil kerja ilmiah (dalam pelbagai bentuk) pelajar, staf akademik dan bukan akademik.

2.0 SKOP DAN APLIKASI DASAR

Dasar ini hendaklah dirujuk bersekali Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) Pindaan 2006, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605), Peraturan Akademik UiTM (Pindaan 2017), Kaedah dan Peraturan Universiti yang lain, termasuk semua pindaan yang berkaitan.

Dasar ini menyokong, tetapi tidak mengetepikan atau menggantikan hak dan kewajipan staf dan pelajar di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang dikuatkuasakan di Malaysia.

Bagi mendapatkan maklumat terperinci, sila rujuk dokumen *Understanding Plagiarism a Guide for Lecturers* dan *Avoiding Plagiarism a Guide for Students* yang boleh diperolehi dari laman web <https://hea.uitm.edu.my> .

3.0 TUJUAN DASAR

Dasar ini digunakan untuk:

- a) Menanamkan kesedaran dalam kalangan warga Universiti mengenai integriti akademik bagi mencapai misi UiTM untuk mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai murni dan etika keprofesionalan.
- b) Dasar ini adalah untuk menggariskan tindakan yang dianggap plagiarisme dan akan menyebabkan tindakan diambil mengikut tahap plagiarisme.

4.0 DEFINISI

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat, plagiarisme adalah perbuatan mencedok kata-kata, idea, dan lain-lain daripada karya orang lain dan menggunakannya sebagai karyanya sendiri.

Plagiarisme juga merujuk secara meluas kepada penggunaan karya orang lain dan juga diri sendiri tanpa sebarang pengiktirafan atau kebenaran serta memanipulasi data dengan sengaja atau tidak sengaja.

Plagiarisme merangkumi perlakuan berikut:

- a. Meniru/menyalin dan menyerahkan kerja/tugasan orang lain (termasuk buku, artikel, tesis atau laporan ilmiah, tugas tidak diterbitkan, kertas kerja, seminar, konferensi, data penyelidikan, laporan dalaman, nota atau rakaman syarahan, imej, muzik, kod sumber komputer, isi kandungan laman web, artifak kreatif dan visual, rekabentuk atau idea, ceramah, forum dan semua bahan ilmiah atas talian) tanpa penghargaan atau menyatakan sumbernya.
- b. Mengungkapkan semula ayat, perenggan atau terma yang maknanya sama, tanpa memberi penghargaan atau menyatakan sumbernya.
- c. Menterjemah kerja orang lain dan diri sendiri tanpa memberi pengiktirafan dan penghargaan.
- d. Mengemukakan sesuatu kerja penghasilan orang lain (membenar dan mengupah seseorang membuat sesuatu tugas yang kemudiannya diperakui sebagai miliknya sendiri termasuk menyerahkan keseluruhan atau sebahagian dari tugas kepada orang lain. Contohnya, pelajar meminta orang lain menganalisa data, menulis analisis ataupun menjalankan projek yang sepatutnya dilakukan oleh mereka).
- e. Menyerahkan semula tugas sendiri yang telah dinilai atau diterbitkan tanpa membuat penghargaan sewajarnya (plagiat sendiri) atau mendapatkan kebenaran. Contohnya tugas/projek yang diserahkan untuk kursus lain dan tesis yang ditulis/diserahkan kepada universiti lain.

- f. Pemalsuan sumbangan individu dalam kalangan ahli yang berkolaborasi dalam projek berkumpulan (penumpang gratis). Contohnya memasukkan nama ahli yang tidak terlibat dalam penghasilan penulisan ilmiah.
- g. Fabrikasi (mencipta data palsu) atau memanipulasi data (mengubah data penulisan ilmiah).

Nota: Diadaptasi dari Curtin University Plagiarism Policy.

Sumber: <http://academicintegrity.curtin.edu.au/students/> Retrieved on 14th May 2018

5.0 KRITERIA MENENTUKAN TAHAP PLAGIARISME

Faktor penentu tahap-tahap plagiarisme adalah seperti dalam Jadual 1

Jadual 1: Faktor Penentu Keseriusan Plagiarisme: Tahap I, II & III

KRITERIA	TAHAP I	TAHAP II	TAHAP III
Pengalaman pelajar Jangkaan sejauh mana kesedaran pelajar tentang kesalahan plagiat	Contoh: • Pelajar tahun pertama atau semester pertama. • Tiada arahan mengenai penulisan beretika atau plagiat.	Contoh: • Pelajar yang telah menamatkan semester pertama tetapi belum berada di tahun akhir program. • Pelajar yang telah menerima maklumat mengenai plagiat. • Pelajar pasca siswazah yang masih dalam proses menulis tesis.	Contoh: • Pelajar tahun akhir, pelajar yang berpengalaman yang diandaikan telah mempunyai pengetahuan tentang plagiat dan mempamerkan integriti akademik. • Tesis tahun akhir pelajar pasca siswazah, sama ada dalam bentuk deraf mahupun akhir.

KRITERIA	TAHAP I	TAHAP II	TAHAP III
<p>Jenis plagiat Bentuk plagiat yang spesifik</p>	<p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Petikan tugas tidak jelas, tidak cukup atau mempunyai beberapa kesilapan • Parafrasa yang tidak wajar/sesuai • Fabrikasi atau manipulasi data berdasarkan metodologi kajian. 	<p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kegagalan menyertakan rujukan dan/atau membuat petikan yang mencukupi • Meniru/menyalin sebahagian tugas pelajar/individu lain • Ketidaktepatan tanda sumbangan terhadap kerja berkumpulan • Meniru dari laman web, buku atau lain-lain penerbitan • Menyerahkan semula keseluruhan atau sebahagian dari tugas yang pernah diserahkan. • Fabrikasi atau manipulasi data tanpa berdasarkan metodologi atau hasil kajian. 	<p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rujukan atau petikan yang direka-reka • Data yang direka atau diubahsuai/dipinda • Tugas yang ditiru keseluruhannya (sama ada dari pelajar atau sumber lain) • Mengupah orang lain untuk melaksanakan tugas penulisan bagi kepentingan diri sendiri • Fabrikasi atau manipulasi data secara sepenuhnya bagi mencapai sesuatu objektif kajian.
<p>Skala plagiat Setakat mana/sejauh mana tugas ditiru/fabrikasi</p>	<p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Beberapa ayat, satu perenggan satu (sedikit) grafik • Beberapa elemen dari sumber 	<p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dua atau tiga perenggan atau satu segmen dari tugas • Segmen dari kod sumber computer 	<p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lebih dari 10% hasil tugas ditiru daripada satu sumber (beberapa helai muka surat atau bahagian

KRITERIA	TAHAP I	TAHAP II	TAHAP III
	komputer, kod atau imej <ul style="list-style-type: none"> • Beberapa data, keputusan kajian, jadual, metodologi, soalan kajian dan struktur kajian (<i>framework</i>). 	<ul style="list-style-type: none"> • Segmen yang mengandungi data, keputusan kajian, jadual, metodologi, soalan kajian dan struktur kajian (<i>framework</i>). 	dari teks atau grafik yang ditiru/salin) <ul style="list-style-type: none"> • Sebahagian besar seksyen yang mengandungi data, keputusan kajian, jadual, metodologi, soalan kajian dan struktur kajian (<i>framework</i>). • Laporan <i>turnitin</i> melebihi 30% • Pengambilan idea atau kerja seni yang ketara
Niat pelajar/staf untuk memplagiat Adakah mereka mempunyai niat untuk memperdaya?	Contoh: <ul style="list-style-type: none"> • Plagiat dilihat tanpa niat atau disebabkan oleh kurang pengetahuan • Tiada niat untuk menipu atau diragui 	Contoh: <ul style="list-style-type: none"> • Plagiat dilihat dengan niat atau disebabkan oleh kecuaiian • Ada niat untuk menipu namun tiada bukti yang jelas. • Penglibatan dua atau lebih pelajar/staf 	Contoh: <ul style="list-style-type: none"> • Plagiat kelihatan disengajakan dan dirancang • Tindakan melanggar/menyalahi arahan jelas • Niat untuk menipu terbukti dan boleh disokong
Keputusan Hasil/ Penentuan	Kesalahan TAHAP I	Kesalahan TAHAP II	Kesalahan TAHAP III

Jadual ini hendaklah digunakan untuk membuat penentuan tuduhan plagiat dan diserahkan kepada Fakulti/Pusat Akademik/Cawangan **atau Jawatankuasa Tatatertib Akademik peringkat Fakulti/Pusat Akademik/ Cawangan** untuk tindakan selanjutnya.

Nota: Jadual ini didasarkan sepenuhnya dari dokumen Universiti Curtin, Australia. Ia diubahsuai supaya lebih jelas, ringkas dan berkaitan.

6.0 TINDAKAN BERASASKAN TAHAP PLAGIARISME

Tindakan yang perlu diambil adalah mengikut tahap keseriusan plagiarisme yang dikesan dan dirumuskan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Keseriusan Plagiarisme dan Tindakan/Hukuman

Tahap I	Tahap II	Tahap III
<p>Pensyarah/penyelia/penyela ras kursus boleh mengambil kesemua atau sebahagian dari tindakan berikut yang mana sesuai:</p> <ul style="list-style-type: none">• Memberi kaunseling kepada pelajar mengenai kesalahan plagiat, dan• Menasihati pelajar supaya merujuk kepada garis panduan mengenai plagiat untuk tujuan menyemak semula tugas mereka, dan• Meminta pelajar menyerahkan semula tugas (jika ada masa), atau• Tidak mengambil kira bahagian yang diplagiat, atau	<p>Ketua Pusat Pengajian (KPP) hendaklah menasihati pensyarah untuk mengambil kesemua atau sebahagian dari tindakan berikut yang mana sesuai.</p> <ul style="list-style-type: none">• Menasihati pelajar mengenai kesalahan plagiat, dan• Meminta pelajar menyerahkan semula tugas (jika ada masa), atau• Menolak sama sekali tugas pelajar (dengan memberi markah "0"), dan	<p>Jawatankuasa Tatatertib mestilah mengambil kira kesemua bukti plagiat dan melaksanakan salah satu daripada hukuman berikut, yang mana sesuai.</p> <ul style="list-style-type: none">• Gagal kursus (gred F) atau• Penggantungan semester atau• Penyingkiran dari universiti• Penarikan penganugerahan ijazah UiTM seperti Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran• Penggantungan perkhidmatan UiTM jika melibatkan staf UiTM.

Tahap I	Tahap II	Tahap III
<ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan markah tugas 	<ul style="list-style-type: none"> Mengeluarkan amaran bertulis. Mengeluarkan Nota Amaran bertulis kepada penyelia yang gagal melaksanakan tanggungjawab semakan plagiarisme. 	<ul style="list-style-type: none"> Penyingkiran perkhidmatan UiTM jika melibatkan staf UiTM.
<p>Pensyarah/Penyelia/Penyelaras Kursus hendaklah memberitahu Koordinator Program atau Ketua Pusat Pengajian (KPP) mengenai kes tersebut.</p>		
<p>Koordinator Program/ Ketua Pusat Pengajian (KPP) hendaklah melaporkan kes tersebut kepada Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) dan Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN)</p>	<p>KPP mestilah melaporkan kes tersebut kepada Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) dan Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN)</p>	<p>KPP mestilah melaporkan kes tersebut kepada Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) dan Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN)</p> <p>Dekan mesti melaporkan kes tersebut dalam Mesyuarat Senat.</p>

7.0 PENGGUNAAN PERKHIDMATAN *TURNITIN*

Selaras dengan pelaksanaan ini, semua pensyarah adalah dimestikan mendaftar untuk mendapatkan akses bagi semakan plagiarisme menggunakan perkhidmatan *Turnitin*.

Pendaftaran boleh dibuat melalui pentadbir *Turnitin* di PTJ masing-masing.

TANGGUNGJAWAB				
Pengurus Dasar	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)			
No. Telefon	03-55442233			
Kelulusan	Senat UiTM			
Tarikh Semakan	November 2018			
SEJARAH SEMAKAN				
No. Rujukan Semakan	Lulus/Batal	Tarikh	Peringkat Kelulusan	No. Resolusi
Baru			Senat	
	Lulus		VCSP	
	Lulus	05/12/2011	JKE	
	Lulus	12/04/2012	Senat ke-166	
Versi 2.0	Lulus	5/9/2019	Senat ke-248	